



Ruj. Kami : JAI.Sel.BKP/07/018/02JId.9 (88)
Tarikh : 6 Jun 2020

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM DI NEGERI SELANGOR SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*) SEPANJANGTEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DAN DALAM TEMPOH 6 BULAN SELEPAS TEMPOH PKPB TAMAT

SHAH ALAM, 6 Jun 2020 - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menetapkan untuk melaksanakan Kursus Praperkahwinan Islam (KPPI) secara dalam talian (*online*) di Negeri Selangor berikutan penangguhan KPPI seperti lazimnya sejak Mac 2020. KPPI *Online* ini juga dibuat selaras dengan pembudayaan norma baharu menghadapi pandemik COVID-19.

Kursus Praperkahwinan Islam *Online* (KPPI *Online*) ini akan dilaksanakan bermula **13 Jun 2020 (Sabtu)**. Permohonan boleh dibuat mulai **9 Jun 2020 (Selasa)**. Modul KPPI *Online* adalah berasaskan Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) Versi 4 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sepenuhnya. Kaedah pelaksanaan KPPI *Online* adalah seperti berikut:

1. Permohonan untuk mengikuti KPPI *Online* dibuat melalui pautan yang disediakan mengikut daerah di Negeri Selangor. Jadual pautan dan nombor talian untuk dihubungi seperti di **LAMPIRAN**.
2. Jumlah **maksimum** penyertaan peserta dalam setiap sesi penganjuran KPPI *Online* adalah **150 orang**.
3. Dua (2) sesi penganjuran pada hari Cuti Hujung Minggu (Sabtu dan Ahad) akan dibuat mengikut keperluan. Sesi pertama bermula jam 8.00 pagi sehingga 12.00 tengahari, manakala sesi kedua bermula jam 2.00 petang sehingga 6.00 petang.

4. Peserta akan menerima jemputan melalui e-mel untuk menyertai KPPI *Online*. Setelah masuk ke *platform* KPPI *Online*, peserta perlu mengikuti langkah-langkah yang telah dinyatakan sehingga selesai dalam tempoh masa yang telah diberikan.
5. Sijil hanya akan diberikan kepada peserta yang berjaya menyelesaikan tugas yang diberikan.
6. Sijil dan nota KPPI *Online* boleh diambil di kaunter di mana pendaftaran dibuat beserta pembayaran fi seperti ditetapkan.
7. Transaksi serah terima Sijil, nota KPPI *Online* dan pembayaran fi hendaklah dibuat selepas lima (5) hari bekerja dan tidak melewati tiga puluh (30) hari bekerja selepas peserta berjaya menyelesaikan tugas dalam KPPI *online*.

Tatacara lengkap berkaitan pelaksanaan KPPI *Online* boleh dirujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam Secara *Online* Di Negeri Selangor Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Dan Dalam Tempoh 6 Bulan Selepas PKPB Tamat yang dimuat naik di laman web Jabatan www.jais.gov.my, Facebook Jabatan Agama Islam Selangor dan Instagram [jabatan.agama.islam.selangor](https://www.instagram.com/jabatan.agama.islam.selangor).

Pada awal penganjuran KPPI *Online*, JAIS **akan mengutamakan** peserta yang telah mendaftar dan membuat pembayaran yuran penyertaan bagi menghadiri KPPI yang tertangguh sejak 18 Mac 2020 apabila Perintah Kawalan Pergerakan kali pertama diumumkan.

JAIS berharap semua bakal-bakal peserta KPPI *Online* bersabar, bertenang dan meneliti semua proses-proses yang ditetapkan serta menghubungi **Bahagian Undang-Undang Keluarga** ditalian **017-949 2634** mulai **9 Jun 2020** untuk mendapatkan keterangan lanjut berkaitan perkara ini.

Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor

6 Jun 2020

JADUAL
PAUTAN PERMOHONAN KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM ONLINE
MENGIKUT DAERAH DAN TALIAN TELEFON KHAS BERKENAAN KPPI ONLINE
UNTUK DIHUBUNGI DI NEGERI SELANGOR

BIL	PENGANJUR	NO TELEFON	PAUTAN
1	Bahagian Undang-Undang Keluarga	013 689 0628 011 6048 0636 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.bit.ly/kppibuuk
2	Pejabat Agama Islam Daerah Petaling	011 3936 2036 010 310 3540 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.bit.ly/kppiptl
3	Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat	011 6163 5848 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.kursuskahwinpaid.com
4	Pejabat Agama Islam Daerah Gombak	011 6082 8455 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.bit.ly/kppigb
5	Pejabat Agama Islam Daerah Klang	017 291 6934 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.bit.ly/kppiklg
6	Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Langat	011 5785 0906 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.bit.ly/kppikl
7	Pejabat Agama Islam Daerah Sabak Bernam	019 287 9316 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.bit.ly/kppisb
8	Pejabat Agama Islam Daerah Kuala Selangor	011 7230 3528 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.bit.ly/kppiksl
9	Pejabat Agama Islam Daerah Sepang	011 6417 0260 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.bit.ly/kppispg
10	Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor	011 7072 4805 (<i>WhatsApp</i> sahaja)	www.bit.ly/kppihsl

Waktu Operasi:

Isnin hingga Jumaat (*Kecuali Hari Kelepasan Am*)
 9.00 pagi – 1.00 petang